

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED
FADZIL [LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL [LEMBAH PANTAI] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan aduan yang diterima terhadap masalah penipuan oleh majikan yang mendapat manfaat daripada Program Subsidi Upah (PSU) tetapi tidak membayar pekerja dengan betul sehingga Oktober 2021 serta kebijakan yang diambil untuk menanganinya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Proses kelulusan Program Subsidi Upah melibatkan semakan pada syarat-syarat permohonan serta maklumat majikan melalui pendaftaran dan caruman majikan.

Antara syarat di bawah Program Subsidi Upah adalah majikan yang memilih untuk menerima bantuan ini disyaratkan untuk mengekalkan semua pekerja mereka. Setiap permohonan yang telah diluluskan akan dirujuk silang dengan maklumat pada permohonan tuntutan faedah kehilangan pekerjaan di bawah Sistem Insurans Pekerja.

Setakat 7 November 2021, PERKESO telah menerima sebanyak 4,423 aduan daripada pekerja terhadap majikan yang menyalahgunakan bayaran Program Subsidi Upah. Bayaran kepada majikan yang terlibat akan digantung sementara menunggu siasatan ke atas aduan-aduan selesai.

Daripada jumlah aduan yang diterima, 3,661 kes aduan merupakan aduan tidak berasas manakala bakinya, sejumlah 762 kes aduan terdiri daripada majikan yang telah diambil tindakan antaranya termasuklah notis tuntutan bayaran balik. PERKESO juga telah menggantung pembayaran kepada sejumlah 8,133 majikan yang didapati melanggar terma dan syarat iaitu membuat pemberhentian pekerja selepas menerima bantuan Program Subsidi Upah.

Selain itu, PERKESO juga telah bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan beberapa kes masih dalam tindakan siasatan. PERKESO akan meneruskan lagi perkongsian maklumat lengkap agar siasatan dapat dimulakan ke atas majikan-majikan yang gagal untuk mematuhi bayaran di bawah Program Subsidi Upah. PERKESO berhak untuk memberhentikan dan menggantung bayaran serta menuntut semula bayaran yang telah diterima dan tindakan undang-undang akan diambil terhadap majikan yang gagal memenuhi syarat yang telah ditetapkan.